



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

26.01.2024

❖ **Penerimaan Amalan Kelestarian: Penyepaduan ke dalam Operasi**

Kita berada dalam era persekitaran global yang berdepan cabaran alam sekitar, yang melaungkan seruan untuk menerapkan amalan kelestarian secara meluas. Justeru, syarikat-syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) Malaysia kini semakin menerima inisiatif kelestarian dengan tangan terbuka. Seiring dengan usaha mereka untuk menerima pakai amalan lestari, kita juga perlu melihat kelestarian lebih daripada sekadar kotak semak pada senarai pematuhan kerana pengawasan alam sekitar juga memerlukan penyepaduan prinsip kelestarian ke dalam operasi harian.

Pada dasarnya, kelestarian bermaksud memenuhi keperluan semasa tanpa menjaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. Ia merangkumi tiga bidang utama iaitu penjagaan alam sekitar, tanggungjawab sosial dan daya maju ekonomi. Kita perlu menerima hakikat kesalinghubungan antara unsur-unsur ini dalam membentuk masa depan yang lama bertahan dan berdaya tahan.

Pelaksanaan inisiatif kelestarian adalah langkah positif namun kita perlu membezakan, adakah ia komitmen sejati atau pematuhan semata-mata? Banyak syarikat melihat kelestarian sebagai sekadar satu item dalam senarai semak kawal selia, menandakan kotak untuk memenuhi keperluan mandatori dan bukan menerimanya sebagai bahagian intrinsik dalam operasi mereka. Tambahan pula, sebagai tindak balas kepada tekanan daripada pihak berkepentingan, syarikat kadangkala mengambil jalan mudah dengan menzahirkan wajah yang berinisiatif mesra alam demi mengurangkan penelitian. Amalan ini dikenali sebagai acah hijau (*greenwashing*) yang menjaskan prinsip kelestarian sebenar.

Apabila kelestarian menjadi sekadar pelaksanaan yang didorong oleh pematuhan, syarikat berdepan risiko terjerumus ke dalam beberapa perangkap. Tumpuan mereka mungkin beralih daripada mewujudkan impak positif yang berjangka panjang kepada memenuhi keperluan pengawalseliaan segera, yang mana menghalang pembangunan strategi kelestarian yang komprehensif dan berkesan. Kelestarian gaya kotak semak cenderung menghasilkan perubahan secara luaran sahaja dan bukannya transformasi yang holistik. Misalnya, apabila syarikat terlibat dalam gerakan simbolik seperti pemasangan beberapa panel solar atau melaksanakan pencahayaan cekap tenaga tanpa menangani isu sistemik yang lebih luas.

Di samping itu, terdapat kes yang mana PLC dilihat tidak melaksanakan sebarang inisiatif kelestarian seperti yang dinyatakan dalam pernyataan kelestarian mereka. PLC A misalnya, menegaskan pencampuran bahan-bahan yang lestari dalam produknya sebagai langkah penjimatkan kos. Namun begitu, apabila disoal, PLC A gagal mendedahkan bahan lestari khusus yang digunakan dalam produknya dan sejauh mana mereka berjaya mencapai penjimatkan kos.

Dalam kes lain, PLC B dalam kenyataan kelestariannya, mengetengahkan komitmennya untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui operasinya. Bagaimanapun, apabila disiasat dengan teliti, didapati 90% tenaga kerja dalam operasi mereka terdiri daripada pekerja asing, yang mana bercanggah dengan dakwaan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Lalu, bagaimakah caranya?

Kepimpinan memainkan peranan penting dalam memacu penyepaduan faktor kelestarian. Apabila pemimpin secara aktif memperjuangkan inisiatif kelestarian dan menyematkannya ke dalam misi dan nilai syarikat, ia menandakan bahawa kelestarian bukan sekadar kewajipan kawal selia malah suatu strategi yang penting.

Penerimaan konsep kelestarian juga memerlukan anjakan fundamental dalam cara rekaan, penghasilan dan penggunaan produk. Konsep ekonomi kitaran yang mana sumber digunakan dengan cekap, produk direka bentuk supaya tahan lasak dan tahan lama serta boleh dikitar semula selain menghasilkan sisa di tahap minimum, perlu dijadikan rangka kerja panduan. Syarikat seharusnya melabur dalam penyelesaian inovatif yang menggalakkan kelestarian sepanjang kitaran hayat produk.

Selain itu, kelestarian yang disepadukan ke dalam operasi harian bertindak sebagai strategi pengurangan risiko yang mampan. Perubahan iklim, yang merangkumi kejadian cuaca ekstrem (seperti gelombang haba, kemarau dan banjir) boleh menyebabkan kerosakan fizikal ke atas aset, contohnya kilang pembuatan, sekaligus mengganggu keseluruhan rantaian bekalan. PLC yang menjangka dan menangani risiko kelestarian lebih bersedia untuk mengendalikan syarikat dalam persekitaran perniagaan yang kompleks, menyumbang kepada daya tahan jangka panjang serta memastikan keupayaan syarikat untuk mengharungi keadaan yang tidak menentu.

Inisiatif kelestarian juga perlu melangkaui operasi terdekat syarikat, sebaliknya diterapkan ke seluruh rantaian bekalan. Penglibatan pembekal dan rakan kongsi dalam amalan kelestarian memastikan impak yang lebih ketara dan meluas, mewujudkan rangkaian kolaborator yang mengutamakan alam sekitar.

Akhir sekali, pekerja di semua peringkat perlu dididik tentang kepentingan kelestarian dan cara menyelaraskannya dengan objektif syarikat. Program latihan boleh memperkasakan kakitangan untuk mengenal pasti peluang untuk menggunakan amalan lestari dalam jawatan mereka, memupuk rasa keempunyaan dan akauntabiliti.

Manfaat penerapan inisiatif kelestarian

Penggabungan amalan kelestarian ke dalam operasi harian syarikat menawarkan banyak kelebihan yang melangkaui bidang tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Salah satu manfaat utama terletak pada potensi penjimatan kos yang banyak. Dengan menerapkan amalan kelestarian, syarikat boleh mengurangkan penggunaan tenaga dengan ketara, mengoptimumkan kecekapan operasi dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan utiliti. Ini menyumbang kepada jejak karbon yang lebih rendah dan memberi kesan langsung kepada keuntungan syarikat. Tambahan pula, komitmen terhadap kelestarian dapat mendorong syarikat untuk membuat penilaian semula terhadap proses pengeluaran, yang membolehkan mereka mengenal pasti peluang untuk mengurangkan sisa dan mengoptimumkan sumber.

Satu lagi kelebihan yang patut diberikan perhatian ialah peningkatan reputasi jenama syarikat. Pengguna dan pelabur akan lebih tertarik kepada perniagaan yang komited kepada kelestarian. Syarikat yang menyepadukan amalan mesra alam ke dalam operasi harian meletakkan organisasi mereka sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, lantas meningkatkan daya tarikan syarikat kepada demografi individu yang mementingkan alam sekitar. Imej jenama yang dipertingkatkan ini menawan hati pelanggan setia dan menarik minat kumpulan pelabur yang lebih luas yang mengutamakan amalan perniagaan yang beretika dan lestari. Sehubungan itu, reputasi jenama yang positif menjadi aset penting yang membezakan syarikat dalam landskap kompetitif, memupuk kesetiaan pelanggan dan menarik pelabur yang bertanggungjawab secara sosial.

Kesimpulannya, seruan kepada PLC tempatan untuk menerima kelestarian sebagai komponen penting dalam operasi harian melangkaui pematuhan terhadap peraturan. Ia adalah saranan untuk mentakrifkan semula intipati tanggungjawab korporat. Kelestarian yang terjalin ke dalam fabrik operasi perniagaan, mengubah syarikat menjadi agen perubahan positif, menawarkan pelbagai faedah daripada kecekapan operasi kepada peningkatan reputasi, inovasi dan pengurangan risiko korporat.

Ketika Malaysia melakar hala tujuanya ke arah masa depan yang lebih lestari, PLC tempatan mestilah menjadi peneraju kepada tanggungjawab itu dengan mengiktiraf kelestarian bukan sahaja sebagai kewajipan tetapi peluang. Dengan menyepadukan kelestarian ke dalam operasi harian, syarikat-syarikat ini boleh menyumbang secara bermakna kepada Malaysia yang lebih hijau dan lebih lestari, dengan organisasi yang komited mewariskan alam sekitar yang sejahtera kepada umat manusia, melangkaui kunci kira-kira.

Yan Lai Kuan
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 29 Januari hingga 2 Februari 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
29.01.24 (Isnin) 11.00 pagi	Bintai Kinden Corporation Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan untuk melaksanakan penempatan persendirian yang memerlukan penerbitan sehingga 281.536 juta saham, mewakili 30% daripada jumlah Saham terbitan yang sedia ada.</p> <p>Penempatan ini dilaksanakan sebagai usaha pengumpulan dana secara interim yang tidak berulang, yang bertujuan menyokong aliran tunai Kumpulan untuk pembayaran balik pinjaman dan modal kerja sementara menunggu penyerahan pelan penyusunan semula bagi menyelaraskan statusnya sebagai penerbit tersenarai yang terjejas menurut PN17 Syarat-syarat Penyenaraian.</p>
30.01.24 (Selasa) 10.00 pagi	Wang-Zheng Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi resolusi di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mandat pemegang saham baharu untuk urus niaga pihak berkaitan yang berulang (<i>recurrent related party transactions, RRPT</i>). - Penubuhan pelan insentif jangka panjang (<i>long term incentive plan, LTIP</i>), yang merangkumi skim opsyen saham pekerja (<i>employee shares option scheme, ESOS</i>) dan pelan pemberian saham (<i>share grant plan, SGP</i>), berjumlah sehingga 10% daripada jumlah saham terbitan WZB. - Peruntukan anugerah di bawah LTIP yang dicadangkan kepada pengarah WZB dan orang yang berkaitan dengan mereka menurut LTIP yang dicadangkan.
30.01.24 (Selasa) 10.00 pagi	Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan berakhir 2023, Kumpulan mencapai pendapatan tertinggi sejak penubuhannya, berjumlah RM96.14 juta, mengaitkan kejayaan itu dengan tindak balas yang pantas. Kontrak kerajaan juga

		<p>memberikan sumbangan yang ketara kepada perniagaan penerbitan dan percetakan Sasbadi.</p> <p>Kumpulan merancang untuk mencapai pertumbuhan bagi tahun kewangan berakhir 2024 melalui penggabungan dan pengambilalihan (mergers and acquisitions, M&A). Kumpulan juga akan terus mengembangkan segmen Pendidikan Awal Kanak-Kanak dengan menambah baik produk dan perkhidmatan yang ditawarkan, selain berhasrat untuk memanfaatkan Dasar Pendidikan Digital yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan pendapatan digitalnya.</p>
30.01.24 (Selasa) 10.30 pagi	Chin Teck Plantations Berhad (AGM)	<p>Walaupun jumlah jualan tandan buah segar, minyak sawit mentah dan isirung sawit lebih tinggi pada tahun kewangan 2023, Chin Teck mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM205.67 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM260.29 juta), disebabkan oleh harga jualan purata yang lebih rendah bagi minyak sawit mentah selepas mencapai harga jualan purata yang memecahkan rekod pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Disebabkan ini, untung bersih menjadi lebih rendah iaitu sebanyak RM53.4 juta, mewakili kira-kira separuh daripada RM107.51 juta yang dicapai pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pada masa yang sama, keuntungan terjejas disebabkan perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi serta bahagian kerugian yang besar daripada usaha sama.</p>
30.01.24 (Selasa) 03.00 petang	PLB Engineering Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM44.81 juta daripada operasi berterusan berbanding RM189.26 juta pada tahun sebelumnya, dengan RM170.72 juta daripada operasi berterusan dan RM18.54 juta daripada operasi yang dihentikan.</p>

	<p>Sementara itu, kerugian sebelum cukainya meningkat kepada RM26.67 juta pada tahun itu (tahun kewangan 2022: kerugian sebelum cukai sebanyak RM15.96 juta), yang terdiri daripada kerugian RM14.86 juta dan RM11.81 juta daripada operasi berterusan dan operasi yang dihentikan.</p> <p>Kerugian yang meningkat berpunca daripada peruntukan kerugian rosot nilai yang dibuat untuk perbelanjaan modal projek tertentu dan aset yang dipegang untuk jualan, masing-masing berjumlah RM12.92 juta dan RM8.59 juta.</p>
--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Sasbadi Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Syarikat telah mengetengahkan strategi penggabungan dan pengambilalihan (M&A) untuk mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi. Sila berikan butiran lanjut tentang nic atau segmen perniagaan tertentu yang dipertimbangkan oleh Sasbadi yang berpotensi sebagai pemerolehan dalam tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024?</p> <p>2. “Sasbadi telah membangunkan keupayaan pendidikan digital secara dalaman selama lebih sedekad dan kami optimis dengan kepakaran kami dalam menyampaikan kandungan dan perkhidmatan digital untuk pendidikan yang berkualiti dan boleh dipercayai. Justeru, Kumpulan kami berada dalam kedudukan yang tepat untuk mencapai aspirasi Dasar Pendidikan Digital.” (Halaman 29, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Sila hubungi keupayaan pendidikan digital khusus yang dibangunkan oleh Sasbadi sepanjang sepuluh tahun yang lalu.</p>
Chin Teck Plantations Berhad (AGM)	<p>Bahagian Kumpulan dalam keputusan daripada usaha sama yang berkaitan perladangan kelapa sawit di Indonesia masih menyebabkan Kumpulan berkongsi kerugian yang kini melonjak dengan ketara sebanyak RM10.7 juta (2022: bahagian kerugian berjumlah RM2.9 juta). (Halaman 14, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Salah satu pelaburan Kumpulan dalam ladang kelapa sawit di Indonesia dipegang melalui syarikat usaha sama 50% miliknya, Global Formation (M) Sdn Bhd berjaya mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM112.3 juta (2022: RM96.2 juta) (Nota 7(ii)(b), halaman 109, Laporan Tahunan 2023).</p>

	<p>Apakah sebab utama yang menyumbang kepada peningkatan ketara dalam bahagian kerugian berjumlah RM10.7 juta?</p> <p>b) Adakah Kumpulan mengetahui sebarang petanda penambahbaikan yang dijangka daripada ladang kelapa sawit di Indonesia untuk tahun kewangan berakhir 2024?</p>
PLB Engineering Berhad (AGM)	<p>1. Proses ketekunan wajar ke atas penamatkan perjanjian konsesi pengurusan sisa yang dipersetujui kedua-dua pihak antara PLB Terang Sdn Bhd dan Majlis Bandaraya Seberang Perai berserta Majlis Bandaraya Pulau Pinang kini masih dalam proses. (Halaman 9, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Berapakah harga belian yang dijangka akan ditawarkan oleh pihak berkuasa dan harga yang diminta oleh Kumpulan?</p> <p>b) Bilakah proses ketekunan wajar ini dijangka selesai?</p> <p>2. Pada 7 Ogos 2023, PLB Land Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Syarikat, telah memeterai Perjanjian Jual Beli dengan Milenium Baru Sdn. Bhd. untuk melupuskan dua bidang tanah yang dipegang untuk pembangunan dengan jumlah pertimbangan RM26.21 juta. Pada tarikh laporan ini, urus niaga pelupusan itu masih belum selesai. (Halaman 149, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah kesan pelupusan itu ke atas keputusan kewangan Kumpulan dan bilakah ia dijangka selesai?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau

ke lengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.